

Source : **Utusan Malaysia**  
Date : **06 / 09 / 2011**

**6 mega MODE**

UTUSAN MALAYSIA SELASA 4 OKTOBER 2011

Oleh **MARIATUL QATIAH ZAKARIA**  
maria.zakaria@utusan.com.my  
Gambar **NOORADZRENE MOHD. NOOR**

# Kulit lembap elak kedutan

**K**ECANTIKAN adalah satu topik yang subjektif untuk dibincangkan. Tetapi apabila ia diperkatakan sudah pasti insan bergelar wanita merupakan golongan yang akan memberi perhatian.

Walaupun sering disebut kecantikan sebenar lahir dari dalam diri seseorang, hakikatnya kecantikan luaran juga menjadi keutamaan.

Justeru, hari ini pelbagai cara digunakan termasuk melakukan pembedahan plastik, menyuntik kolagen, mengambil makanan tambahan dan sebagainya untuk mengekalkan kecantikan serta kesihatan diri.

Konsep kecantikan sebenar seharusnya bermula dengan kesihatan yang baik. Sebagai contoh, pengambilan banyak makanan yang mengandungi antioksidan seperti buah-buahan mampu membantu menentang radikal bebas dan melindungi daripada kerosakan sel yang boleh mengakibatkan penuaan pramasa.

Pada masa yang sama, sebagai sebahagian daripada inspirasi untuk membantu orang ramai kekal cantik dan sihat, iHeal Medical Centre Kuala Lumpur memperkenalkan rawatan alternatif iaitu Rawatan Terapi Intraceuticals Oksigen.

Dalam erti kata lain, rawatan itu mentafsirkan bahawa kecantikan dan kesihatan sebenarnya mempunyai hubung kait antara satu sama lain.

Menurut pakar perubatan estetikanya, Dr. Abrizah Ousman, Rawatan Terapi Intraceuticals Oksigen adalah yang baik untuk meningkatkan penghidratan secara keseluruhan agar kulit sentiasa lembap dan halus sekali gus menghilangkan garis halus dan kedutan.

"Rawatan ini tidak sakit, mudah dan ringkas. Ia memberi kelembapan dan kesegaran serta merta kepada kulit muka.

"Rawatan ini terdiri daripada tiga jenis gabungan serum iaitu *rejuvenation hydrating infusion*, *opulence brightening infusion* dan *atolene anti-aging infusion*," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Tambah beliau lagi, rawatan tersebut berasal dari Australia tetapi sangat popular di kalangan selebriti Hollywood sejak tahun 2001.


Katanya, apa yang membezakan rawatan tersebut dengan rawatan-rawatan lain ialah serum yang digunakan dapat meresap ke dalam kulit secara lebih berkesan melalui semburan di bawah tekanan hyperbarik oksigen berbanding dengan cucian biasa atau penggunaan produk kecantikan di rumah.

Rawatan ini juga sesuai untuk semua jenis kulit.

Jelas Dr. Abrizah, rawatan tersebut amat digalakkan bagi mereka yang mempunyai kulit kering, berkedut dan tidak bermaya kerana ia dapat mengembalikan kelembapan dan ketegangan.

Menurutnya, serum yang digunakan juga merupakan agen pelembap yang bagus.

"Antara bahan-bahan yang dikenal pasti dalam rawatan ini ialah asid hyaluronik, aloe vera, teh hijau, vitamin A, vitamin C, vitamin E, asid amino, panthenol, squalane,



**RAWATAN Terapi Intraceuticals Oksigen memberi kesan lebih ketara pada wanita berumur 30 tahun ke atas.**

provitamin B5 dan banyak lagi.

"Dalam kulit kita sememangnya sudah mempunyai asid hyaluronik iaitu agen pelembap semula jadi namun kandungan ini akan beransur-ansur kurang selari dengan proses penuaan dan kesan persekitaran, jadi rawatan ini dapat mengembalikan kandungan agen pelembap di dalam kulit.

"Rawatan ini juga sebenarnya sesuai untuk mereka yang ingin menghadiri majlis-majlis sosial, karpet merah ataupun bagi mereka yang ingin bergelar raja sehari.

"Ini kerana sebaik sahaja rawatan yang dilakukan selesai, kulit kelihatan segar bermaya dan boleh terus bersolek dengan kesan solekan lebih rata serta kekal lama," katanya.

Bagi wanita-wanita yang berumur 30 tahun dan ke atas, rawatan itu pastinya memberikan satu keputusan yang baik di mana ia dapat melambatkan proses penuaan melalui peningkatan pengoksigenan pada kulit serta merangsang peredaran darah.

Selain itu, vitamin C dalam serum itu juga dapat mencerahkan rona kulit.

Perubahan-perubahan tersebut dapat dilihat seurus selepas menjalani sesi rawatan yang hanya mengambil masa selama 45 minit.

Untuk mendapatkan kesan positif jangka masa panjang adalah digalakkan untuk melakukan rawatan ini setiap minggu untuk enam minggu berturut-turut.



**Rawatan ini merupakan satu rawatan yang tidak sakit, mudah dan ringkas di mana ia memberi kelembapan dan kesegaran secara serta-merta kepada kulit muka**

**SERUM** yang digunakan dapat meresap ke dalam kulit secara lebih efektif melalui semburan di bawah tekanan hyperbarik oksigen.



**DR. ABRIZAH OUSMAN**